

30 APR 1999

Najib-Wan Azizah

WAN AZIZAH KETERLALUAN SAMAKAN DR MAHATHIR DENGAN MARCOS

SUNGAI PETANI, 30 April (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata tindakan Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail mengkritik pemimpin Malaysia di luar negara adalah keterlaluan.

Sambil menyifatkan perbuatan itu sebagai tidak patut, beliau berkata ia jelas menunjukkan sikap tidak patriotik dan tidak cintakan negara.

"Melemparkan tuduhan melulu dan fitnah kepada pimpinan negara seperti menyamakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Ferdinand Marcos bersifat keterlaluan dan tidak berasas.

"Dari segi fakta kita lihat di bawah Dr Mahathir banyak kemajuan dan pembangunan walhal semasa pemerintahan Marcos, Filipina berada dalam keadaan sebaliknya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Padang Serai di Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Ketil 2, dekat sini, hari ini.

Najib yang juga Menteri Pendidikan berkata demikian sebagai mengulas ucapan isteri bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Kelab Rotary, Manila yang mengkritik Dr Mahathir dengan mendakwa Perdana Menteri dan "konco-konconya yang terdesak" akan melakukan apa sahaja untuk memusnahkan kerjaya politik suaminya.

Wan Azizah yang juga presiden Parti KeADILan Nasional mendakwa suaminya adalah mangsa kepada sistem yang dicorakkan mengikut imej Perdana Menteri yang dahulunya dihormati tetapi kini tidak lagi mempunyai perspektif yang betul.

"Saya menganggap sokongan rakyat terhadap saya dan parti KeADILan sebagai kuasa rakyat versi Malaysia" kata Wan Azizah sambil merujuk kepada pemberontakan rakyat 1986 yang menjatuhkan Marcos.

Najib berkata tindakan Wan Azizah juga boleh menimbulkan masalah serantau dengan mengheret sebuah negara anggota Asean mencampuri urusan dalaman sebuah negara anggota yang lain.

Katanya walaupun kerajaan negara itu menyatakan lawatan itu adalah bersifat peribadi, sebaiknya Presiden Joseph Estrada tidak membuat apa yang boleh ditafsir mencampuri urusan dalaman negara Asean yang lain.

"Sudah tentu jika kita menerima kumpulan atau individu dari Filipina yang tidak disenangi oleh kerajaan negara itu, mereka juga boleh terasa hati dengan langkah itu.

"Kita berharap pemimpin negara Asean prihatin kepada hubungan dua hala dalam konteks Asean yang mengamalkan dasar tidak campurtangan terhadap masalah dalaman sesebuah negara anggota," katanya.

-- BERNAMA

MZM RON